



# AL-QASAS AL-NABAWI DALAM KARYA ABŪ ISHĀQ AL-ḤUWAYNĪ DAN ‘UMAR SULAYMĀN AL-ASHQAR: KAJIAN PERBANDINGAN

(*Al-Qasas al-Nabawi* in the works of Ab Isq al-Ḥuwayn and Umar Sulaymn al-Ashqar: A Comparative Study)

Muhammad Arif Yahya<sup>1</sup>, Khairulnazrin Nasir<sup>2</sup>, Muhammad Ikram Abu Hassan<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia

<sup>2</sup>Sultan Ismail Petra International Islamic College (KIAS)

<sup>3</sup>Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)

## Abstract

The hadiths of Rasulullah SAW have various contents, including the stories narrated by the Prophet SAW. These hadiths are known as *al-Qasas al-Nabawi*. The approach to conveying the story is one of the uniqueness of the Prophet SAW in conveying knowledge and education. This study aims to examine the method of writing the works of *al-Qasas al-Nabawi*, which are compiled by modern writers and not presented thematically in major hadith works such as *Kutub al-Sittah* or *Kutub al-Tisah*. Abu Ishaq al-Huwaini and Umar Sulayman al-Asyqar are among the modern writers who have compiled these hadiths relating to *al-Qasas al-Nabawi* in their works. However, there are differences in the method of compilation and presentation of this hadith by the two authors, although authentic hadith were used as the basis of the study. The methodology of this study uses a qualitative study design with the method of content analysis on the work of *al-Qasas al-Nabawi* by Abu Ishaq al-Huwaini and Umar Sulayman al-Asyqar. The results of the study found that these two scriptures use the same method in selecting only the authentic hadith related to *al-Qasas al-Nabawi*, but have different methods in other aspects. The different methods used by the two authors include the choice of topics included in the hadith, the number of hadiths discussed, and the approach to presenting the teachings at the end of each hadith. In addition, the work of *al-Qasas al-Nabawi* by Abu Ishaq al-Huwaini is more concise and not suitable as a reference work for the public, as the author notes in the foreword to this book. The work of *al-Qasas al-Nabawi* by Umar Sulayman al-Asyqar is more systematic and useful as a guide for the public to understand the authentic hadith in the category of *al-Qasas al-Nabawi*. Keywords: Works by *al-Qasas al-Nabawi*, Abu Ishaq al-Huwaini, Umar Sulayman al-Asyqar, Authentic Hadith.

**Kata Kunci:** Works of *al-Qasas al-Nabawi*, Abu Ishaq al-Huwaini, Umar Sulayman al-Asyqar, Authentic Hadith.

## Article Progress

Received: 17 November 2021

Revised: 24 November 2021

Accepted: 1 December 2021

\*Corresponding Author:  
Muhammad Arif Yahya.  
Pusat Kajian Usuluddin dan  
Falsafah,  
Fakulti Pengajian Islam,  
Universiti Kebangsaan  
Malaysia  
Email:  
arifyahya@ukm.edu.my

## PENDAHULUAN

Rasulullah SAW memiliki metode yang pelbagai di dalam penyampaian hadis kepada para sahabat r.a. Kepelbagaian metode tersebut adalah dengan tujuan supaya para sahabat tidak jemu dengan penyampaian dan isi kandungan pembelajaran yang disampaikan oleh Rasulullah SAW. Salah satu metode Rasulullah SAW ialah menyampaikan hadis dengan memasukkan unsur cerita di dalam penyampaian tersebut (Mustafa Atiyyah Jum'ah: 2017). Kisah-kisah yang disampaikan oleh Rasulullah SAW adalah merupakan wahyu daripada Allah taala (Ali bin Nayif al-Syuhud: 2012) serta mengandungi *ibrah* dan pengajaran dalam setiap kisah tersebut. Kisah-kisah yang disampaikan oleh Rasulullah SAW adalah kisah-kisah umat terdahulu yang merupakan peristiwa benar serta isu-isu berkaitan perkara *ghayb* mengenai alam akhirat yang memerlukan sumber wahyu seperti hadis sahih untuk dijadikan rujukan. Kisah-kisah berasaskan hadis ini dikenali sebagai *al-Qasas al-Nabawi*.

*Al-Qasas* bermaksud khabar dalam bentuk cerita (Ibn Manzur : t.t, 3651). Kisah adalah merupakan salah satu bentuk kesenian dalam menyampaikan sesuatu berita. Setiap kisah dianggap sebagai khabar dan bukan setiap khabar itu dikategorikan sebagai kisah. Allah S.W.T menyampaikan sesuatu khabar di dalam al-Quran berkaitan kejadian langit dan bumi serta kejadian malaikat dan Jin, namun ia tidak dianggap sebagai kisah. Adapun khabar berkaitan para Rasul bersama kaumnya dan kejadian yang berlaku yang disampaikan dianggap sebagai khabar yang mengandungi kisah (Umar Sulayman al-Asyqar 1997, 12). Kisah didefinisikan sebagai seni menceritakan sesuatu peristiwa atau perbuatan dengan kaedah bahasa yang dapat menyampaikan kepada tujuan yang dimaksudkan. Kedudukannya cukup istimewa diantara kepelbagaian kesenian di dalam ilmu kesasterawanan disebabkan kerana keanjalannya, keluasan dan kepelbagaian tujuannya, serta kecantikan gaya bahasanya (Muhammad Sulayman al-Asyqar: 2009). Ali bin Nayif al-Syuhud (2012) mendefinisikan kisah-kisah dalam al-Sunnah ialah khabar berita yang dikemukakan oleh al-Sunnah tentang umat terdahulu serta peristiwa lepas yang berlaku. Al-Sunnah menyentuh banyak peristiwa yang lepas, keadaan manusia dan khabarnya, serta apa yang telah dilalui umat terdahulu sebagai pengajaran untuk umat yang datang kemudian.

Kepentingan memasukkan elemen kisah dan cerita di dalam penyampaian adalah sebagai suatu kesenian yang mampu memberikan kesan yang mendalam tentang sesuatu penyampaian (Umar Sulayman al-Asyqar 1997, 12). Kepentingan kisah-kisah yang terkandung di dalam sumber wahyu seperti al-Quran dan hadis dapat difahami bahawa kisah yang terbaik ialah bersumberkan al-Quran (QS Yusuf : 3) dan diikuti kisah yang bersumberkan hadis Rasulullah SAW. (Umar Sulayman al-Asyqar 1997, 14). Kisah-kisah yang terkandung di dalam hadis ini juga sebagai panduan dan bimbingan kepada manusia berkaitan asas dan ajaran agama (Ali bin Nayif al-Syuhud 2012). Islam sebagai sebuah agama yang cukup teliti dan berdisiplin dalam isu ini, mengajarkan bahawa sumber bagi kisah-kisah ghaib hanyalah al-Quran dan hadis sahih (termasuk hadis ahad). Malah hadis da'if juga tidak boleh dijadikan sandaran dalam bab *ghaybiyyat* dan *sam'iyat* (Ahmad Saifuddin Yusof et. al 2018).

Kajian berkaitan *al-Qasas al-Nabawi* secara tematik banyak dilakukan oleh ulama kontemporari berbanding ulama terdahulu. Setakat pencarian penulis di dalam karya-karya utama hadis, seperti *Kutub al-Sittah* dan *Kutub al-Tis'ah*, tiada bab khusus berkaitan hadis-hadis *al-Qasas al-Nabawi* ini. Muhammad Sa'd al-Dabl (2014) mengkaji kerangka umum teknik pembinaan kisah berasaskan pendekatan Nabi SAW. Beliau mengemukakan empat pendekatan teras *al-Qasas al-Nabawi* iaitu ; peringkat pertama ialah mengemukakan pengenalan awal (mukadimah), peringkat kedua ialah pendahuluan yang mempunyai beberapa kategori berdasarkan topik penceritaan. Peringkat ketiga ialah idea dan tema-tema yang diselaraskan dengan hadis berdasarkan objektif yang ditetapkan. Peringkat keempat ialah membentuk kerangka pendekatan kisah berasaskan hadis Rasulullah SAW.

Pendahuluan yang terdapat di dalam hadis-hadis kisah menurut Muhammad Sa'd al-Dabl memiliki beberapa kategori, seperti pendahuluan dengan menimbulkan persoalan atau pertanyaan sama ada daripada Rasulullah SAW sendiri atau daripada kalangan sahabat. Pendahuluan juga berbentuk diskusi, laporan atau penegasan sesuatu pendirian. Muhammad Sa'd al-Dabl mengkaji secara ilmiah pendekatan kisah oleh Rasulullah SAW. Beberapa tujuan kisah-kisah yang dikemukakan oleh Rasulullah SAW iaitu mengajak beriman kepada Allah SWT, menjelaskan tentang keindahan syariat Islam serta huraian hukumnya. Selain itu, pendekatan *Tarhib* (galakan kebaikan) dan *Tarhib* (amaran dosa kejahatan) terkandung dalam hadis-hadis kisah serta pendidikan Islam bertujuan membentuk akhlak dengan pengajaran kisah umat terdahulu (Muhammad Sa'd al-Dabl 2014).

Mustafa Atiyyah Jum'ah (2017) membincangkan tentang pendekatan kisah di dalam hadis yang disampaikan oleh Baginda SAW. Terdapat kisah yang didatangkan dalam bentuk perumpamaan seperti perumpamaan tiga agama (Islam, Yahudi dan Nasrani) dengan seorang lelaki yang telah berkhidmat dengan suatu kaum. Selain itu, kisah dalam kategori kasih sayang (*rahmah*) dengan haiwan, kisah orang-orang soleh dalam kalangan umat terdahulu dan kisah berkaitan Hari Akhirat (Mustafa Atiyyah Jum'ah 2017).

Ali bin Nayif al-Syuhud (2012) menulis kitab hadis-hadis kisah ini dengan tajuk *al-Qasas fi al-Sunnah al-Nabawiyyah: Durus wa 'Ibar*. Said bin Mustafa Diyab menyusun kajian berkaitan *al-Qasas al-Nabawi* dengan tajuk "*al-Qasas al-Nabawi : Durus wa 'Ibar*". Beliau juga menyusun hadis-hadis sahih berkaitan *al-Qasas al-Nabawi* ini berasaskan penilaian hadis yang dikemukakan oleh Syeikh al-Albani dan beberapa ulama lain. Pada mukadimah kitab dinyatakan berkaitan definisi *al-Qasas al-Nabawi*, perbezaan antara *al-Qasas* dan *al-Hadith*, ciri-ciri hadis *al-Qasas al-Nabawi*, pengajaran daripada *al-Qasas al-Nabawi*. Perkara lain yang dikemukakan oleh penulis adalah berkaitan pengajaran tarbiah dan adab *Nabawiyyah* yang terkandung di dalam hadis-hadis *al-Qasas al-Nabawi* ini. Perkara ini adalah selaras dengan matlamat penulisan kitab ini yang jelas daripada tajuk yang diberikan. Penulis juga dalam mengemukakan huraian adalah tidak terlalu panjang dan tidak juga terlalu ringkas dalam setiap hadis *al-Qasas al-Nabawi* ini.

Al-Quran telah menggariskan beberapa tujuan di sebalik *al-Qasas al-Nabawi* di dalamnya. Antaranya firman Allah SWT: "Demi sesungguhnya, kisah Nabi-nabi itu mengandungi pelajaran yang mendatangkan iktibar bagi orang-orang yang mempunyai akal fikiran. (Kisah Nabi-nabi yang terkandung dalam Al-Quran) bukanlah ia cerita-cerita yang diada-adakan, tetapi ia mengesahkan apa yang tersebut di dalam Kitab-kitab ugama yang terdahulu daripadanya, dan ia sebagai keterangan yang menjelaskan tiap-tiap sesuatu, serta menjadi hidayah petunjuk dan rahmat bagi kaum yang (mahu) beriman" (Yusuf: 111). Tujuan *al-Qasas al-Nabawi* yang disebut dalam ayat ini ialah, supaya mengambil iktibar darinya, mengesahkan apa yang terdapat dalam kitab-kitab terdahulu, keterangan menjelaskan tiap-tiap sesuatu, serta menjadi hidayah dan rahmat bagi orang yang beriman.

Selain itu, firman Allah SWT: "Maka ceritakanlah kisah-kisah itu supaya mereka berfikir" (al-A'raf 176). Dapat difahami dari ayat ini bahawa tujuan penceritaan adalah supaya manusia berfikir. Lazimnya apabila manusia berfikir dengan menggunakan akal yang waras, maka dia akan menjumpai jalan yang benar. Ataupun dia akan membuat pilihan yang tepat setelah menimbang dengan akalnya.

Firman Allah SWT: "Dan tiap-tiap berita dari berita Rasul-rasul itu, kami ceritakan kepadamu (wahai Muhammad), untuk menguatkan hatimu dengannya. Dan telah datang kepadamu dalam berita ini kebenaran dan pengajaran serta peringatan bagi orang-orang yang beriman" (Hud 120). Dapat diperhatikan, *al-Qasas al-Nabawi* juga tujuannya untuk menguatkan dan menetapkan hati Baginda SAW.

Dengan ini nyata, di sana terdapat pelbagai pengajaran yang dikehendaki oleh Allah SWT disebalik *al-Qasas al-Nabawi* diutarakan sama ada dalam al-Quran mahupun Sunnah. Namun, kisah-kisah ini tidak dapat diambil pengajaran darinya kecuali mereka yang berfikir setelah mendengarnya. Mengkaji dan meneliti apa yang dikehendaki oleh Allah SWT di sebaliknya.


## **METODOLOGI KAJIAN**

Metodologi kajian ini ialah berdasarkan pendekatan kajian kualitatif secara kepustakaan. Data-data berkaitan perbincangan tentang *al-Qasas al-Nabawi* diperoleh daripada buku, artikel ilmiah, tesis dan sebagainya. Reka bentuk kajian ini secara asasnya ialah analisis kandungan serta menggunakan metode analisis dokumen dan analisis perbandingan sebagai wahana untuk menganalisis pandangan Abū Ishāq al-Huwaynī dan 'Umar Sulaymān al-Ashqar berkaitan dengan *al-Qasas al-Nabawi*. Analisis perbandingan meliputi pelbagai aspek termasuklah kuantiti kisah yang dikemukakan, kaedah penyampaian teks kisah, kaedah *takhrīj*, huraian terhadap perkataan ganjil (*gharīb al-hadīth*), kupasan kisah dan sebagainya. Justifikasinya, pendekatan ini mampu menonjolkan aspek kekuatan dan kelemahan bagi kedua-dua karya berkenaan, sekali gus memberikan panduan kepada para penulis berkaitan *al-Qasas al-Nabawi*.

## DAPATAN KAJIAN

Abū Ishāq al-Huwaynī dan ‘Umar Sulaymān al-Ashqar termasuk dalam kalangan sarjana Islam kontemporari yang terkenal. Kedua-dua tokoh ini banyak menghasilkan karya-karya berkualiti dalam pelbagai bidang termasuklah bidang hadis. *Al-Qaṣas al-Nabawī* ialah salah satu seni penulisan bidang hadis. Justeru, berdasarkan analisis terhadap metodologi Abū Ishāq al-Huwaynī dalam karyanya, *Ṣaḥīḥ al-Qaṣas al-Nabawī*; dan ‘Umar Sulaymān al-Ashqar dalam karyanya, *Ṣaḥīḥ al-Qaṣas al-Nabawī*, dirumuskan hasil kajian seperti yang dipaparkan dalam rajah di bawah:

Rajah 1 : Perbandingan pendekatan antara karya al-Huwayni dan al-Ashqar berkaitan *al-Qaṣas al-Nabawī*



Kajian ini mendapati kuantiti kisah yang dikemukakan dalam karya masing-masing ialah hampir sama. Kedua-dua penulis memulakan teks hadis dengan menyatakan perawi tertinggi iaitu perawi *ṣaḥābī*. Abū Ishāq al-Huwaynī hanya menyatakan *takhrij* hadis secara ringkas sementara Umar Sulaymān al-Ashqar membincangkannya secara terperinci. Kedua-dua penulis juga berbeza dari aspek huraian kisah, sama ada menghuraikan secara terperinci meliputi pengajaran dan sebagainya, sementara yang lain memadai dengan menjelaskan kalimat yang ganjil sahaja (*gharib al-hadith*). Perincian yang dikemukakan Umar Sulayman al-Ashqar meliputi perbandingan dengan riwayat Taurah khususnya yang berkait dengan kisah-kisah para Nabi. Sebahagian kisah-kisah memiliki persamaan dalam kedua-dua karya daripada sudut kandungan dan riwayat yang diambil sementara petikan terhadap kisah-kisah yang lain berbeza antara kedua-dua karya ini. Namun kedua-dua karya mengambil sumber kisah daripada riwayat-riwayat yang sahih.

## PERBINCANGAN

*Al-Qaṣas al-Nabawī* atau Sirah Nabawi memiliki nilai yang besar dalam kehidupan Muslim. Kepentingannya dapat ditinjau dari aspek hubung kaitnya dengan Nabi Muhammad SAW, isteri, keluarga dan para sahabat. Tidak seperti kisah-kisah lain, *al-Qaṣas al-Nabawī* mengandungi pelbagai pengajaran dari pelbagai aspek; akidah, ibadah, akhlak, sosial, ekonomi, pendidikan, dan sebagainya. Justeru, para ulama amat memberi perhatian terhadap kesahihan fakta dan sumber bagi *al-Qaṣas al-*

*Nabawī*. Bahagian ini akan membincangkan tentang dua orang tokoh yang membahaskan secara terperinci tentang *al-Qasas al-Nabawī*, iaitu Abū Ishāq al-Ḥuwayī dan ‘Umar Sulaymān al-Ashqar, sekali gus menganalisis karya-karya mereka.

### Latar belakang tokoh

#### 1) Abū Ishāq al-Ḥuwayī

Abu Ishāq al-Ḥuwaynī dilahirkan pada 10 Jun 1956 di perkampungan Hewen di Kafr el-Sheikh, Mesir. Beliau merupakan salah seorang tokoh ulama yang beraliran salafi di Mesir. Beliau memiliki kepakaran dalam bidang hadis dan banyak menghasilkan karya-karya dalam bidang ini berbentuk *tahqiq* dan *takhrij* bagi manuskrip penulisan ulama-ulama terdahulu. Antara karya-karya beliau dalam pentahkikan (*tahqiq*) karya ulama terdahulu. Antaranya ; *al-Arbaun al-Sughra* oleh Imam al-Bayhaqi, *al-Arbaun fi Rad’ al-Mujrim ‘an Sab al-muslim* oleh al-Hafiz Ibn Hajar, *al-Ahadith al-Qudsiyyah al-Arba’iniyyah* oleh Mullah Ali al-Qari, *Tafsir al-Quran al-Azim* oleh Ibn Kathir, Antara karya asli beliau ialah; *Tanbih al-Hajaid ila ma Waqa’a fi Kutub al-Amajid, Iqamah al-Dalail ‘ala ‘Umum al-Masail, Is’af al-Labith bi Fatawa al-Hadith*. Perincian kepada biografi Abu Ishaq al-Huwaini boleh dilihat di dalam laman sesawang peribadi beliau iaitu ; ([alheweny.me](http://alheweny.me)).

#### 2) ‘Umar Sulayman al-Ashqar

Umar Sulaymān al-Ashqar (1940-2012) merupakan adalah seorang sarjana Islam kontemporari yang tersohor. Beliau disandarkan kepada aliran Salafi dan termasuk dalam kalangan ulama Ikhwanul Muslimin. Beliau yang memiliki ijazah kedoktoran (PhD) bertugas sebagai profesor di Fakulti Undang-undang Islam di Universiti Jordan dan juga merupakan Dekan Fakulti Undang-undang Islam di Universiti al-Zarqa ', Jordan. Selain itu, beliau telah mengarang sejumlah buku mengenai Islam, termasuk Siri Akidah Islam yang dicetak dalam beberapa jilid. Selain kitab *al-Qasas al-Nabawi* yang dibincangkan ini, beliau juga ada menulis buku yang lebih hampir dengan perbincangan ini bertajuk; *Qasas al-Ghayb fi Sahih al-Hadith al-Nabawi*. Beliau banyak menghasilkan karya-karya penulisan antaranya; *al-Sawm fi Daw’ al-Kitab wa al-Sunnah*, ‘Ajaib Khalq Allah, *Ahkam al-Zawaj fi Daw’ al-Kitab wa al-Sunnah*, *Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah Ashab al-Manhaj al-Asil wa al-Sirat al-Mustaqim*, *al-Adillah ‘ala Wujud Allah Ta’ala*. Tokoh ini meninggal dunia pada 10 Ogos 2012.

### Karya Abu Ishaq al-Huwayni Berkaitan al-Qasas al-Nabawi

Karya Abu Ishaq al-Huwayni berkaitan *al-Qasas al-Nabawi* bertajuk *Sahih al-Qasas al-Nabawi*. Jumlah hadis berkaitan *al-Qasas al-Nabawi* yang dikemukakan di dalam karya ini ialah sebanyak 50 hadis. Tema dan kandungan hadis berkaitan *al-Qasas al-Nabawi* yang dikemukakan oleh Abu Ishaq al-Huwayni dengan tema pelbagai merangkumi kisah-kisah nabi dan kisah-kisah umat terdahulu yang mengandungi pengajaran. Karya ini adalah merupakan ringkasan yang telah dilakukan oleh Abu Ishaq al-Huwayni daripada karya beliau yang lain dan belum diterbitkan lagi iaitu bertajuk *Is’af al-Jarih bi al-Qasas al-Nabawi al-Sahih* (Abu Ishaq al-Huwaini : 1411, 3). Cadangan untuk meringkaskan karya tersebut telah dicadangkan oleh beberapa rakan beliau supaya hanya memuatkan matan hadis *al-Qasas al-Nabawi* tanpa disertakan huraian yang terlalu panjang. Oleh sebab itu, pendekatan di dalam karya *Sahih al-Qasas al-Nabawi* hanyalah mengemukakan matan hadis tanpa syarahan terhadap maksud hadis. Pengajaran terhadap hadis juga hanya sebahagian yang dikemukakan daripada 50 hadis tersebut. Abu Ishaq al-Huwayni meringkaskan karya ini juga dengan tujuan untuk diambil pengajaran oleh para penyampai khutbah dan tazkirah melalui hadis-hadis *al-Qasas al-Nabawi* ini.

Metode susunan kisah di dalam buku Abu Ishaq al-Huwayni boleh diringkaskan kepada beberapa metode berikut:

- 1) Tidak membahagikan kisah mengikut susunan atau tema tertentu.
- 2) Hanya mengambil hadis-hadis yang sahih sahaja.

- 3) Setiap hadis akan dimulakan dengan tajuk “*al-Qissah.*” dan menyatakan no kisah tersebut mengikut susunan hadis.
- 4) Setiap hadis hanya dinyatakan perawi tertinggi (*al-Rawi al-A'la*), matan hadis (teks), *takhrij* hadis (sumber ambilan hadis secara ringkas).
- 5) Kenyataan berkaitan *Gharib al-Hadis* (kalimah pelik atau perlu penjelasan) hanya pada hadis terpilih sahaja.
- 6) Kisah-kisah menyentuh kandungan pelbagai seperti kisah-kisah nabi dan kisah-kisah umat terdahulu yang mengandungi pengajaran serta perkara *ghayb* di alam akhirat.

Abu Ishaq al-Huwayni tidak menggunakan pendekatan meletakkan tajuk bagi setiap hadis dan hanya meletakkan nombor pada permulaan setiap kisah, contohnya : *al-Qissah al-Ula*. Tujuan beliau meringkaskan buku ini dengan teks hadis sahaja tanpa syarahan telah dinyatakan di dalam mukadimah kitab ini. Usaha kali pertama beliau menyusun dan menghuraikan hadis-hadis ini secara terperinci telah diberi maklum balas oleh beberapa rakannya supaya beliau meringkaskan penyusunan kitab ini kepada pengumpulan teks hadis sahaja tanpa huraian sebagai rujukan kepada para pendakwah ketika berkongsi cerita berasaskan hadis-hadis sahih sahaja kepada masyarakat (Abu Ishaq al-Huwayni: 1411, 3). Oleh sebab itu, *Hadis-Hadis al-Qasas al-Nabawi* susunan Abu Ishaq al-Huwayni ini lebih sesuai rujukan kepada mereka yang ada latar belakang pengajian hadis bagi memahami kandungan hadis dengan baik. Buku ini kurang sesuai sebagai rujukan untuk orang awam kerana mengandungi hadis-hadis kisah yang memerlukan syarahan lanjut daripada *kitab syuruh* hadis. Berdasarkan pemerhatian dan pemahaman terhadap kandungan hadis, pembahagian 50 hadis yang dikemukakan dalam buku ini boleh dibahagikan berdasarkan tema umum berikut :

Jadual 1: Pembahagian hadis-hadis *al-Qasas al-Nabawi* serta jumlah hadis yang terdapat di dalam karya Abū Ishāq al-Huwaynī

No	Tema umum hadis	Jumlah hadis
1	Kisah-kisah para Nabi	22
2	Kisah-kisah umat terdahulu yang mengandungi pengajaran	20
3	Kisah berkaitan perkara <i>ghayb</i> di alam akhirat	8

### Karya Umar Sulayman al-Asyqar Berkaitan *al-Qasas al-Nabawi*

Karya Umar Sulayman al-Asyqar berkaitan *al-Qasas al-Nabawi* bertajuk *Qisas al-Ghayb fi Sahih al-Hadith al-Nabawi*. Karya ini dicetak pada tahun 1997 oleh Dar al-Nafais, Jordan. Jumlah hadis berkaitan *al-Qasas al-Nabawi* yang dikemukakan di dalam karya ini sebanyak 57 kisah. Susunan kisah-kisah di dalam kitab Umar Sulayman al-Asyqar ini dibahagikan kepada lima bahagian iaitu ; 1) kisah-kisah para nabi dan rasul. 2) Kisah berkaitan keajaiban kekuasaan Allah. 3) Kisah yang menunjukkan kelebihan beramal. 4) Kisah-kisah Contoh Teladan Iman yang Mendalam. 5) Kisah-kisah Contoh Teladan yang Buruk. Bilangan hadis-hadis yang terkandung di dalam setiap bahagian ini adalah seperti mana berikut :

Jadual 2 : Pembahagian hadis-hadis *al-Qasas al-Nabawi* serta jumlah hadis yang terdapat di dalam karya Umar Sulayman al-Ashqar

No	Bahagian <i>al-Qasas al-Nabawi</i> Dalam Karya Umar Sulayman al-Asyqar	Jumlah Hadis yang dikemukakan
1	kisah-kisah para nabi dan rasul.	21 hadis
2	Kisah berkaitan keajaiban kekuasaan Allah.	5 hadis
3	Kisah yang menunjukkan kelebihan beramal.	9 hadis
4	Kisah-kisah Contoh Teladan Iman yang Mendalam.	11 hadis
5	Kisah-kisah Contoh Teladan yang Buruk.	11 hadis

Umar Sulayman al-Asyqar juga mengemukakan perbandingan dengan riwayat sebahagian kisah terutamanya kisah-kisah para nabi yang terkandung di dalam Taurat. Menurut Umar Sulayman al-Asyqar, tujuan beliau mengemukakan perkara tersebut adalah dengan tujuan untuk memperbetulkan kesilapan fakta yang dikemukakan oleh kitab Taurat (Umar Sulayman al-Asyqar ; 1997, 8). Perkara ini juga dapat dilihat tujuan *al-Qasas al-Nabawi* didatangkan dapat memperbetulkan kembali kisah-kisah yang dikemukakan di dalam Taurat. Oleh yang demikian, tujuan Umar Sulayman al-Asyqar mengemukakan riwayat daripada Taurat adalah bertujuan membandingkan kisah yang sebenar melalui catatan di dalam hadis Rasulullah SAW. Perbincangan yang dikemukakan oleh Umar Sulayman al-Asyqar juga pada bahagian “Syarah” setiap hadith sangat terperinci.

### **Perbandingan Karya Abu Ishaq al-Huwaini dan Umar Sulayman al-Asyqar berkaitan al-Qasas al-Nabawi**

Metode perbincangan kisah-kisah yang dikemukakan oleh Sulayman al-Ashqar dilihat lebih sistematik berbanding perbincangan yang dikemukakan oleh Abu Ishaq al-Huwaini. Perkara ini dapat dilihat berdasarkan 5 bahagian yang diklasifikasikan oleh Umar Sulayman al-Asyqar di dalam karyanya memudahkan pemahaman yang lebih baik terhadap kisah. Pembahagian seperti itu tidak dilakukan oleh Abu Ishaq al-Huwaini melainkan pemisahan setiap hadis melalui tajuk kisah tersebut iaitu menyatakan nombor bilangan mengikut susunan kisah. Selain itu, karya Abu Ishaq al-Huwaini terlalu ringkas dan sukar untuk memahami setiap kisah dan kurang sesuai untuk bacaan orang awam yang tidak mampu memahami hadis dengan baik dengan hanya huraian ringkas yang dikemukakan. Berbanding dengan karya Umar Sulayman al-Asyqar yang mengemukakan bahagian syarah bagi setiap hadis agar memudahkan pemahaman orang yang membacanya. Oleh yang demikian, karya Umar Sulayman al-Asyqar berkaitan al-Qasas al-Nabawi ini lebih bersesuaian untuk tatapan dan bacaan orang awam berbanding karya Abu Ishaq al-Huwaini yang hanya bersesuaian untuk mereka yang ada latar belakang pengajian hadis yang baik.

Sebahagian hadis *al-Qasas al-Nabawi* yang dikemukakan oleh Abu Ishaq al-Huwaini ada dimuatkan oleh Umar Sulayman al-Ashqar di dalam buku beliau antaranya ialah kisah-kisah kejadian Nabi Adam AS, kisah kematian Nabi Musa AS dan kisah Nabi Sulaiman AS dan ucapan perkataan *Insya-Allah*. Terdapat banyak kisah-kisah yang dikemukakan oleh Abu Ishaq al-Huwaini yang tidak dikemukakan oleh Umar Sulayman al-Ashqar di dalam karyanya. Antaranya beberapa kisah berkaitan Bani Israel iaitu kisah perempuan rendah (pendek) yang berjalan bersama dua orang perempuan tinggi, kisah dua orang lelaki daripada Bani Israel yang seorang melakukan dosa dan seorang lagi beribadah kepada Allah serta lelaki Bani Israel bersama 1000 Dinar. Manakala beberapa kisah yang dikemukakan oleh Umar Sulayman al-Ashqar tidak dikemukakan oleh Abu Ishaq al-Huwaini antaranya berkaitan kisah-kisah para nabi seperti kisah kematian Nabi Adam AS, Kisah Nabi Soleh dan kaumnya dan Kisah Nabi Musa AS dan Khidir AS. Ini adalah antara persamaan dan perbezaan yang terdapat di dalam karya kedua-dua penulis yang dikaji berkaitan hadis-hadis *al-Qasas al-Nabawi*.

Persamaan metode kedua-dua tokoh ini dalam penghasilan karya *al-Qasas al-Nabawi* ialah sudut pemilihan hadis-hadis dalam kategori yang sahih. Perkara ini penting sebagai suatu disiplin yang perlu dijaga oleh masyarakat terutamanya dalam memetik kisah-kisah yang disandarkan kepada sumber wahyu seperti hadis. Oleh yang demikian, kedua-dua tokoh memiliki persamaan aspek pemilihan hadis-hadis *al-Qasas al-Nabawi* dalam kategori yang sahih sebagai panduan dan rujukan berkaitan kisah-kisah yang terkandung di dalam hadis. Perkara ini adalah beberapa aspek perbezaan dan persamaan kedua-dua karya yang telah menyusun dan mengkaji hadis-hadis dalam kategori *al-Qasas al-Nabawi* ini.

### **KESIMPULAN**

Karya Abu Ishaq al-Huwaini berkaitan *al-Qasas al-Nabawi* adalah lebih ringkas dan kurang bersesuaian untuk dijadikan bahan bacaan untuk umum kerana matlamat utama penghasilan karya ini juga untuk rujukan para pendakwah untuk penyampaian khutbah dan tazkirah. Karya Umar Sulayman al-Ashqar berkaitan *al-Qasas al-Nabawi* ini adalah lebih terperinci daripada sudut huraian dan lebih

sistematik penyusunannya. Karya ini lebih sesuai untuk bacaan dan rujukan untuk orang awam kerana mengandungi huraian perincian (syarah) dalam setiap kisah yang dikemukakan yang memudahkan pemahaman untuk orang awam. Malah Umar Sulayman al-Ashqar berusaha membawa versi kisah yang terdapat di dalam Taurat bagi mendedahkan kesalahan fakta yang dikemukakan di dalam Taurat melalui hadis-hadis sahih berkaitan *al-Qasas al-Nabawi* ini. Faedah dan pengajaran *al-Qasas al-Nabawi* yang terdapat di dalam karya Umar Sulayman al-Ashqar juga lebih mudah difahami terhadap kandungan hadis dalam kategori ini. Karya *al-Qasas al-Nabawi* oleh Umar Sulayman al-Ashqar ini lebih sesuai untuk diterjemahkan untuk manfaat masyarakat berbanding karya *al-Qasas al-Nabawi* oleh Abu Ishaq al-Huwaini berdasarkan apa yang telah dibincangkan di dalam artikel ini.

## RUJUKAN

- Abu Ishaq al-Huwaini. 1411 H. *Sahih al-Qasas al-Nabawi*, Jeddah: Maktabah al-Sahabah.
- Abu Ishaq al-Huwaini. Laman sesawang peribadi ; موقع الشيخ أبي إسحاق الحويني ([alheweny.me](http://alheweny.me)).
- Ahmad Saifuddin bin Yusof, Ahmad Zahiruddin Zabidi, Mohamad Lokman Mohd Salleh. 2018. 40 Hadith : Sahih Kisah Ghaib dan Ajaib, Faqih Media ; Kuala Lumpur.
- Ali bin Nayif al-Syuhud. 2012. *Al-Qasas fi al-Sunnah : Durus wa 'Ibar*, buku dalam talian di laman Maktabah al-Nur: تحميل كتاب القصص في السنة النبوية دروس وعبر pdf - مكتبة نور ([noor-book.com](http://noor-book.com)).
- Jum' ah, Mustafa Atiyyah. 2017. Al-Qissah fi al-Sunnah al-Nabawiyyah, akses pada 28 Februari 2020 <https://www.alukah.net/sharia/0/123873/>.
- Muhammad Sulayman Abdullah al-Asyqar. 2009. Mu'jam Ulum al-Lughah al-'Arabiyyah, hlm 320.
- Muhammad bin Sa'd al-Dabl. 2014. *Al-Haykal al-'Am li Bina' al-Qasas al-Nabawi*, akses pada 26 Feb 2020 <https://www.alukah.net/web/aldebl/0/64927/>.
- Muhammad bin Mukrim bin Ali Ibn Manzur. t.t. *Lisan al-Arab*, Dar al-Ma'arif ; Kaherah.
- Salih bin Abd al-Aziz bin Muhammad. 2008. *Mawsu'ah al-hadith al-Syarif al-Kutub al-Sittah*, Dar al-Salam : al-Riyadh.
- Umar Sulayman Abd Allah al-Ashqar. 1997. *Sahih al-Qasas al-Nabawi*. Amman; Dar al-Nafais.